

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia Online

TARIKH : Sabtu, 16 Mac 2019



Paip bocor punca tanah runtuh di Perpustakaan Negara



Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia melihat runtuh tanah dipercaya berpunca daripada paip bawah tanah dari kawasan asrama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) KL yang pecah hari ini. - FotoBERNAMA

16 Mac 2019 9:52 PM

KUALA LUMPUR 16 Mac - Kebocoran paip air Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) dipercayai menjadi punca runtuhan tanah di belakang Perpustakaan Negara di Jalan Tun Razak di sini petang tadi.

Menurut jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian pada pukul 5.06 petang.

“Kami segera mengerahkan seramai enam anggota dan pegawai bersama sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Tun Razak ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan,” katanya dalam kenyataan di sini malam ini.

Jurucakap itu memberitahu, pasukan bomba yang tiba di lokasi kejadian mendapati terdapat pergerakan tanah yang berpunca dari kebocoran paip air namun tidak melibatkan struktur bangunan.

Tambahnya, anggota bomba telah memastikan keadaan selamat untuk orang awam dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku.- BERNAMA